

MediaTitle	Berita Minggu	Language	Malay
Date	16 Aug 2015	Readership	947,000
Circulation	125,514	Color	Full Color
Section	Nasional	ArticleSize	1817 cm <sup>2</sup>
Page No	18,19	PR Value	RM 187,901
AdValue	RM 62,634		



# KEJATUHAN NILAI RINGGIT

» Tiada situasi butang panik,  
pasaran komoditi,  
bursa saham masih kukuh

**Oleh Luqman Arif Abdul Karim**  
luqman.arif@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**K**ejatuhan nilai ringgit sejak kebelakangan ini kelihatan menimbulkan kegelisahan dalam kalangan masyarakat, peniaga dan pelabur dari dalam dan luar negara.

Senario kejatuhan nilai mata wang dirasai seantero dunia termasuk kuasa besar seperti China, Jepun dan Kesatuan Eropah, bagaimanapun disifatkan sesetengah pihak sebagai waktu terbaik menguji kemampuan ekonomi sesebuah negara.

Malaysia tidak terkecuali daripada tempas ketidakpastian ekonomi apabila nilai ringgit susut ke paras RM4.06 berbanding satu dolar Amerika Syarikat (AS), kelmarin.

Keadaan itu lantas menyebabkan pelbagai pihak 'panas punggung', malah ada menyifatkan Malaysia kini sedang menuju ke kancuh kemelesetan ekonomi yang pernah berlaku pada tahun 1997 dan 1998.

Namun, jika diamati, 'butang panik' susulan kejatuhan nilai ringgit ketika ini seolah-olah tidak berlaku dalam kalangan penganalisis dan pakar ekonomi tempatan.

## Mudah terpengaruh

Mengupas persepsi berbeza itu, pakar ekonomi dari Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan, Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Datuk Dr Amir Hussin Baharuddin, berkata rakyat Malaysia mudah terpengaruh dengan 'cakap-cakap' di kedai kopi dan penganalisis 'segera'.

Sedangkan, katanya, kejatuhan nilai ringgit ketika ini perlu dibandingkan dengan pelbagai faktor, antaranya pasaran komoditi, jumlah rizab luar negara dan kestabilan sektor yang menjadi pemacu

ekonomi negara.

"Kalau percaya apa yang dibincangkan menerusi Facebook dan laman sosial, maka kita akan dapat gambaran bahawa keadaan Malaysia sekarang teruk sampai kerajaan kena laksanakan langkah ekstrem.

"Jangan jadi seperti 'pak pandir' sehingga tergedai kampung kerana nak menang sabung ayam, sebaliknya rakyat Malaysia perlu dengar analisis ekonomi daripada sumber yang sahih," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Amir berkata, nilai ringgit pada tahun 1997 dan 1998 susut melangkaui RM4.70 berbanding satu dolar AS, selain menyaksikan pasaran saham negara merudum sehingga mencatatkan kerugian lebih RM700 bilion.

Kemelesetan ekonomi ketika itu, katanya, menyebabkan pelabur dari dalam dan luar negara menjual saham kerana khuatir akan mengalami kerugian yang lebih teruk.

## Indeks bursa masih kukuh

"Keadaan sekarang pula jauh lebih baik kerana Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) masih berada pada kedudukan kukuh di antara 1,600 hingga 1,700 mata.

"Pasaran komoditi negara pula tidak goyah kerana harga sawit mentah, misalnya berada dalam lingkungan RM400 hingga RM500 satu tan, berbanding RM80 satu tan pada tahun 1997.

"Industri getah pula ketika ini bernilai RM2.10 sekilo, berbanding RM1.90 sekilo pada tahun 1998, sekali gus tidak mengganggarkan Malaysia sedang mengalami kemelesetan ekonomi," katanya.

Sehubungan itu, katanya, jika dibandingkan dengan Brazil dan Greece, kedudukan ekonomi Malaysia masih berada pada prestasi kukuh.

Negara anggota Kesatuan Eropah kecuali Sweden, Jerman dan Perancis pula, katanya, dihimpit pelbagai isu semasa

## KADAR TUKARAN WANG ASING BERBANDING **RM1**



“Keadaan sekarang pula jauh lebih baik kerana Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) masih berada pada kedudukan kukuh di antara 1,600 hingga 1,700 mata”

**Dr Amir Hussin Baharuddin,**  
Pakar ekonomi dari Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan, UUM

DOLAR AS  
**0.25**

POUND BRITISH  
**0.16**

dan ketidakpastian yang mencestuskan sentimen pasaran dalam kalangan pelabur.

## Capai potensi sebenar

"Kita belum capai potensi sebenar kerana pelbagai bahan mentah seperti getah dan kelapa sawit hanya berada pada kadar penggunaan antara 20 hingga 30 peratus.

"Malaysia berupaya mencapai kadar penggunaan kedua-dua bahan mentah ini sehingga 90 peratus jika ada usaha untuk mempergiatkan sektor penyelidikan, sekali gus memacu pasaran komoditi negara.

"Inisiatif seperti ini memerlukan komitmen jangka panjang, iaitu antara lima hingga 10 tahun dan perlu digembleng dengan kerjasama pelbagai pihak terutama syarikat berkaitan kerajaan (GLC) serta syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC)," katanya.



Headline	KEJATUHAN NILAI RINGGIT		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	16 Aug 2015	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	18,19	ArticleSize	1817 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 62,634	PR Value	RM 187,901

